Kerajaan Malaysia lwn Central Strata Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — GUAMAN NO 21NCVC-11 TAHUN 2011
HASSAN AB RAHMAN PK
28 FEBRUARI 2013

Prosedur Sivil — Penghakiman terus — Cukai pendapatan — Perjanjian pembayaran cukai — Notis taksiran komposit — Sama ada salah dan tidak teratur — Sama ada tidak pernah dihantar serah pada bila-bila masa kepada defendan — Sama ada tuntutan plaintif telah difailkan di luar masa — Sama ada wajar plaintif mendapat penghakiman terus — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 14 — Akta Cukai Pendapatan 1967 ss 96A(6), 106(1),(3) & 145(2) — Akta Had Masa 1953 s 33 — Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 12(b)

Undang-Undang Hasil — Cukai pendapatan — Penilaian — Perjanjian pembayaran cukai — Notis taksiran komposit — Sama ada salah dan tidak teratur — Sama ada tidak pernah dihantar serah pada bila-bila masa kepada defendan — Sama ada tuntutan plaintif dalam tindakan ini telah difailkan di luar masa — Sama ada plaintif membuktikan tuntutan terhadap defendan atas imbangan kebarangkalian — Akta Cukai Pendapatan 1967 ss 96A, 106(1), (3) & 145(2) — Akta Had Masa 1953 s 6

Plaintif memohon di bawah A 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') untuk mendapatkan penghakiman terus terhadap defendan bagi cukai pendapatan yang terhutang dan kena dibayar termasuk kenaikan 10% dan 5% bagi tahun taksiran 1996–2000. Cukai kebelakangan yang dituntut melalui notis taksiran komposit (PKA2) yang dikenakan adalah di bawah s 96A Akta Cukai Pendapatan 1967 ('ACP'). Sebagai membantah permohonan plaintif ini, defendan mendakwa bahawa: (a) perjanjian di bawah s 96A ACP (PKA1) adalah salah, remeh, tidak sah dan tidak boleh diterima mengikut undang-undang; (b) PKA2 adalah salah dan tidak teratur dan tidak pernah dihantar serah pada bila-bila masa pun kepada defendan, dan (c) tuntutan plaintif dalam tindakan ini telah difailkan di luar masa yang dengan itu, melanggar peruntukan s 6 Akta Had Masa 1953 ('Akta'). Dalam kes ini juga defendan memohon supaya tuntutan plaintif terhadapnya dibatalkan mengikut A 18 k 19(1)(a), (c) atau (d) KMT.

Diputuskan, membenarkan permohonan dengan kos:

(1) Taksiran komposit bagi tahun taksiran 1996–2000 adalah berdasarkan perjanjian di bawah s 96A(1) ACP. Selaras dengan perjanjian itu, notis

taksiran komposit telah dikeluarkan dan diserahkan kepada defendan secara pos ke alamat terakhir defendan yang diketahui pada masa itu yang ada dalam simpanan plaintif. Alamat tersebut merupakan alamat surat menyurat syarikat defendan seperti yang dinyatakan di dalam Borang C defendan-defendan dan melalui surat agen cukai defendan. Notis tersebut didapati tidak pernah dikembalikan ke pejabat plaintif tanpa serah. Oleh yang demikian, notis taksiran tersebut dianggap telah diserahkan secara sempurna ke atas defendan selaras dengan peruntukan ss 145 dan (2)(a)(ii) ACP dibaca bersama s 12 Akta Tafsiran (lihat perenggan 5).

(2) Apabila pembayar cukai telah menandatangani perjanjian dibawah s 96A dan taksiran komposit telah dibangkitkan, cukai adalah muktamad dan tidak boleh dirayu (s 96A(6) ACP). Sijil Perakuan (PKA3) yang dikeluarkan dibawah s 142(1) ACP adalah bukti yang mencukupi untuk mahkamah memberikan penghakiman. Ekshibit PKA3 dalam afidavit sokongan adalah satu perakuan (sijil) yang menyatakan nama, alamat dan jumlah cukai yang terhutang yang telah dikeluarkan terhadap defendan. Justeru itu, tiga asas bantahan defendan didapati tidak berjaya membangkitkan isu-isu yang wajar dibicarakan dan ternyata tidak bermerit untuk membantah tuntutan plaintif (lihat perenggan 11–13).

(3) Dokumen PKA1 merupakan satu dokumen yang sah dan boleh diterima sebagai asas tuntutan dan sebagai dokumen yang relevan untuk dikemukakan ke mahkamah. Memandangkan tiada peruntukan yang memerlukan perjanjian di bawah s 96A ACP (yang merupakan dokumen persetujuan) mesti distemkan, maka ia tidak menjadi keperluan mengikut s 52 Akta Setem 1949 untuk persetujuan (agreement) seperti ini mematuhinya kerana perjanjian ini hanyalah sebagai bukti persetujuan pembayar cukai untuk tujuan penyelesaian cukainya yang kena dibayar sebagai satu *mechanism* pembayaran cukai atas sebab-sebab tertentu yang diperuntukan khusus untuk tujuan ACP dan hanya tertakluk kepada keperluan-keperluan di bawah peruntukan ACP sahaja (lihat perenggan 14(a)).

(4) Mengenai isu had masa, jelas didapati bahawa belaan defendan adalah tidak bermerit memandangkan proviso yang terdapat dalam s 33 Akta. Justeru, berdasarkan peruntukan ss 96A(6), 106(1) dan (3), 145(2) ACP bila dibaca bersama s 12(b) Akta 388 dan s 142(1) ACP dan dengan adanya sijil perakuan (eksh PKA3), maka plaintif wajar mendapat penghakiman terus dan perintah seperti dipohon plaintif (lihat perenggan 14(c)–15).

[English summary

The plaintiff applied under O 14 of the Rules of the High Court 1980 ('RHC') for a summary judgment against the defendant for income tax due and payable,

including an increase of 10% and 5% for the years of assessment between of 1996 and 2000. The retrospective tax assessment claimed through the composite assessment notice ('PKA2') charged was pursuant to s 96A of the Income Tax Act 1967 ('ITA'). In objecting the application, the defendant claimed that: (a) the agreement under s 96A of the ITA ('PKA1') was wrong, frivolous, illegal and not acceptable under the law; (b) PKA2 was wrong and irregular and was never, at any time, delivered to the defendant; and (c) the plaintiff's claim in this action was filed out of time which therefore, violated the provisions of s 6 of the Limitation Act 1953 ('the Act'). In this case, the defendant also requested that the plaintiff's claim against him be struck off by virtue of O 18 r 19(1)(a), (c) or (d) of the RHC.

Held, allowing the application with costs:

(1) Composite assessment for the assessment years of 1996–2000 was based on an agreement under s 96A (1) of the ITA. In accordance with the agreement, the composite assessment notice was issued and delivered to the defendant by mail to the defendant's last address at the time, which was in the plaintiff's possession. The address was the mailing address of the defendant as stated in the defendant's Form C and the defendants' tax agent's letter. The notice was never found returned to the plaintiff's office undelivered. Therefore, the notice of assessment was deemed to have been properly delivered to the defendant in accordance with the provisions of ss 145 and (2)(a)(ii) of the ITA read together with s 12 of the Interpretation Act (see para 5).

(2) Where a taxpayer had entered into an agreement under s 96A and composite assessment had been raised, the tax was final and non-appealable (s 96A (6) of the ITA). Acknowledgment certificate ('PKA3') issued under s 142 (1) of the ITA was sufficient evidence for the court to give judgment. Exhibit PKA3 in the affidavit in support was an acknowledgment (certificate) stating the name, address and the amount of tax due which had been issued against the defendant. Thus, the three main grounds of the defendant's objections were found to be unsuccessful in raising triable issues and clearly contained no merit in objecting the plaintiff's claim (see paras 11–13).

(3) The PKA1 document was a legal document and could be accepted as the basis of the claim and the relevant documents to be submitted to the court. Since there was no provision requiring the agreement under s 96A of the ITA (which was the consent document) to be stamped, it was not a requirement under s 52 of the Stamp Act 1949 for consent (agreement) such as this to be in compliance with it as this agreement was only the evidence of the consent of the taxpayer for the purpose of settlement tax

payable as a tax payment mechanism for reasons provided specifically for the purpose of the ITA and was only subject to the requirements under the ITA provisions (see para 14(a)).

(4) On the issue of limitation of time, it was clear that the defendant's defence bore no merit due to the proviso in s 33 of the Act. Therefore, based on the provisions of ss 96A(6), 106 (1) and (3), 145(2) of the ITA when read together with s 12(b) of Act 388 and s 142(1) of the ITA and with the certificate (exh PKA3), the plaintiff should be allowed the summary judgment and order as prayed (see paras 14(c)–15).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai cukai pendapatan, lihat 2(4) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 8704–8709.

Untuk kes-kes mengenai penilaian, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 2384–2414.

Kes-kes yang dirujuk

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36; [1993] 4 CLJ 7, MA (diikut)

Kerajaan Malaysia v Rimo Jaya Sdn Bhd [2005] 8 CLJ 303, MT (dirujuk)

Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd [1995] 1 MLJ 281; [1995] 1CLJ 609, MR (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Cukai Pendapatan 1967 ss 96A, 96A(1), (6), 103(4), (5A), 106(1), (3), 142(1), (2), (4), 145(1), (2)(a)(ii),
Akta Had Masa ss 6, 33
Akta Setem 1949 s 52
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 12, 12(b)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 14, A 18 k 19(1)(a), (c), (d)

(Selvam, Nanda and Partners) bagi pihak perayu.
(Peguamcara Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri) bagi pihak responden.

Hassan Ab Rahman PK:

ALASAN PENGHAKIMAN (SAMAN DALAM KAMAR (SDK) LAMPIRAN 7 DAN LAMPIRAN 14)

LATAR BELAKANG RAYUAN

[1] Plaintif memohon melalui saman dalam kamar ('SDK') lampiran 7 di bawah A 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') untuk mendapatkan penghakiman terus terhadap defendan bagi cukai pendapatan

yang terhutang dan kena dibayar termasuk kenaikan 10% dan 5% yang kesemuanya berjumlah RM1,050,532.56 bagi tahun taksiran 1996–2000. Ini merupakan cukai kebelakangan yang dituntut melalui notis taksiran komposit bertarikh 17 September 2002 yang dikenakan di bawah s 96A Akta Cukai Pendapatan 1967 ('ACP').

[2] Sebagai membantah permohonan plaintif ini, pihak defendan dalam penyata pembelaan dan afidavit-afidavit balasan serta hujahannya, mendakwa bahawa:

(a) perjanjian di bawah s 96A ACP (eksh PKA1) adalah salah, remeh, tidak sah dan tidak boleh diterima mengikut undang-undang;

(b) notis taksiran komposit (PKA2) adalah salah dan tidak teratur dan tidak pernah dihantar serah pada bila-bila masa pun kepada defendan; dan

(c) tuntutan plaintif dalam tindakan ini telah difailkan di luar masa yang dengan itu, melanggar peruntukan s 6 Akta Had Masa 1953.

[3] Dalam kes ini juga defendan melalui SDK lampiran 14 memohon supaya writ saman dan penyata tuntutan plaintif terhadapnya dibatalkan mengikut A 18 k 19(1)(a) atau (c) atau (d) KMT.

[4] Alasan defendan dalam permohonan ini adalah sama dengan asas bantahan pihaknya terhadap permohonan plaintif di bawah A 14 KMT (lampiran 7).

DAPATAN MAHKAMAH

[5] Berdasarkan afidavit-afidavit yang berkaitan, didapati bahawa taksiran komposit bagi tahun taksiran 1996–2000 adalah berdasarkan perjanjian (PKA1 dalam afidavit sokongan lampiran 8) di bawah s 96A(1) ACP. Selaras dengan perjanjian itu, notis taksiran komposit bertarikh 17 September 2002 (eksh PKA2) telah dikeluarkan dan diserahkan kepada defendan secara pos ke alamat terakhir defendan yang diketahui pada masa itu yang ada dalam simpanan plaintif. Alamat tersebut merupakan alamat surat menyurat syarikat defendan seperti yang dinyatakan di dalam Borang C defendan-defendan (eksh PKA4 dalam afidavit jawapan plaintif lampiran 20) dan melalui surat agen cukai defendan bertarikh 12 Mei 2001 (PKA5 dalam afidavit yang sama).

[6] Notis PKA2 didapati tidak pernah dikembalikan ke pejabat plaintif tanpa serah. Oleh yang demikian, notis taksiran tersebut dianggap telah diserahkan secara sempurna ke atas defendan selaras dengan peruntukan

s 145(1) dan (2)(a)(ii) ACP dibaca bersama s 12 Akta Tafsiran ('Akta 388'). (Dalam isu ini, kes *Kerajaan Malaysia v Rime Jaya Sdn Bhd* [2005] 8 CLJ 303 adalah berkaitan dan dirujuk).

[7] Defendan telah membuat bayaran sejumlah RM1,320,448 terhadap liabilitinya untuk tahun taksiran 1996–2000 meninggalkan baki cukai yang terhutang dan genap masanya sebanyak RM909,552 untuk tahun-tahun taksiran tersebut.

[8] Namun, defendan gagal untuk menjelaskan cukai sepenuhnya yang telah ditaksirkan ke atasnya dalam tempoh 30 hari dan 60 hari dari tarikh penyerahan notis taksiran komposit tersebut. Dengan itu, kenaikan sebanyak 10% dan 5% masing-masing telah dikenakan menurut s 103(4) dan 103(5A) ACP.

[9] Oleh itu didapati jumlah cukai yang masih terhutang dan genap masanya kena dibayar oleh defendan kepada plaintif termasuk kenaikan 10% dan 5% adalah kesemuanya berjumlah RM1,050,532.56 seperti yang dituntut dalam penyata tuntutan (di lampiran 1).

[10] Mengikut ACP, cukai yang patut dan kena dibayar boleh didapatkan kembali oleh kerajaan melalui prosiding sivil sebagai satu hutang yang patut dibayar kepada kerajaan (s 106(1) ACP).

[11] Apabila pembayar cukai telah menandatangani perjanjian di bawah s 96A dan taksiran komposit telah dibangkitkan, cukai adalah muktamad dan tidak boleh dirayu (s 96A (6) ACP). (Kes *Kerajaan Malaysia v Rimo Jaya Sdn Bhd* [2005] 8 CLJ 303 adalah juga berkaitan).

[12] Sijil yang dikeluarkan di bawah s 142(1) ACP adalah bukti yang mencukupi untuk mahkamah memberikan penghakiman. Ekshibit PKA3 dalam afidavit sokongan adalah satu perakuan (sijil) tersebut yang bertarikh 24 Mac 2011 yang menyatakan nama, alamat dan jumlah cukai yang terhutang yang telah dikeluarkan terhadap defendan.

[13] Justeru, tiga asas bantahan defendan didapati tidak berjaya membangkitkan isu-isu yang wajar dibicarakan dan ternyata tidak bermerit untuk membantah tuntutan plaintif.

[14] Ini kerana mahkamah mendapati bahawa:

(a) dokumen PKA1 merupakan satu dokumen yang sah dan boleh diterima sebagai asas tuntutan dan sebagai dokumen yang relevan untuk dikemukakan ke mahkamah.

Bila diteliti dokumen PKA1, didapati dokumen tersebut mengandungi tandatangan Lim Chin Khai (KP 430719-71-5147) dengan cop jawatan sebagai *managing director* syarikat defendan bersama Lim Chin Suan (KP 481117-71-5147) sebagai *director*.

Lim Chin Khai ('LCK') sendiri adalah deponen yang mengikrarkan afidavit-afidavit defendan lampiran 12, lampiran 15, lampiran 22 dan lampiran 23 untuk tujuan permohonan-permohonan ini. Dalam afidavit-afidavit tersebut, kenyataannya mengenai PKA1 hanyalah merupakan penafian semata-mata (*a mere denial*) dan membawa maksud beliau mendakwa yang beliau tidak mengetahui mengenai kandungannya. Beliau tidak pernah menafikan tandatangan dan cop nama dan jawatannya dalam dokumen tersebut adalah nama dan tandatangannya. Bedasarkan kenyataan dalam afidavit-afidavitnya mengenai PKA1, mahkamah tidak dapat membuat *inference* lain selain dari merumuskan bahawa LCK cuba mendakwa pihaknya telah didorong tanpa kerelaan oleh pihak ketua pengarah plaintif untuk menyempurnakan perjanjian tersebut.

Dalam hal ini peruntukan s 142(4) ACP jelas memperuntukkan bahawa dokumen seperti ini (PKA1) boleh diterima sebagai keterangan.

Mengenai hujahan pihak defendan bahawa dokumen PKA1 mesti distemkan baru boleh diterima sebagai perjanjian yang sah, mahkamah berpendapat, oleh kerana tiada peruntukan yang memerlukan perjanjian dibawah s 96A ACP (yang merupakan dokumen persetujuan) mesti disetemkan, maka ia tidak menjadi keperluan mengikut s 52 Akta Setem 1949 untuk persetujuan (*agreement*) seperti ini mematuhinya kerana perjanjian ini hanyalah sebagai bukti persetujuan pembayar cukai untuk tujuan penyelesaian cukainya yang kena dibayar sebagai satu *mechanism* pembayaran cukai atas sebab-sebab tertentu yang diperuntukkan khusus untuk tujuan ACP dan hanya tertakluk kepada keperluan-keperluan di bawah peruntukan ACP sahaja.

Dalam konteks ini, penghakiman YA Hakim Tee Ah Sing (beliau semasa itu) dalam kes *Kerajaan Malaysia v Rimo Jaya (M) Sdn Bhd* [2005] 8 CLJ 303 boleh dijadikan panduan walaupun tidak secara langsung menyentuh isu perjanjian di bawah s 96A. YA Tee Ah Sing membuat kenyataan (di ms 306 (d–f)), yang membawa maksud bahawa setiap dokumen yang dikeluarkan bagi maksud ACP oleh ketua pengarah adalah dikira sah apabila nama dan pejabat ketua pengarah di tulis di atasnya. Keperluan ini, didapati telah dipenuhi sejauh mengenai kesahan dokumen PKA1 ini (yang mengandungi tandatangan, nama dan jawatan ketua pengarah LHDN);

(b) berhubung dengan notis taksiran komposit (PKS2) yang dikatakan tidak pernah diserah hantar kepada pihak defendan, didapati dakwaan ini juga tidak bermerit. Ini adalah kerana fakta di para 12, afidavit lampiran 20 dan di para 9 afidavit lampiran 18 menunjukkan bahawa pembayaran

sejumlah RM464,000 secara berperingkat pada 24 Oktober 2002, 26 Oktober 2002, 13 November 2002, 3 Disember 2002, 6 Januari 2003, 5 Februari 2003, 6 Mac 2003, 9 April 2003 dan 6 Ogos 2003 seperti yang ternyata dalam lejer plaintif dibuat selepas notis taksiran komposit bertarikh 17 September 2002 (PKA2) diserahkan kepada defendan. Ini tidak pernah dinafikan dan tidak pernah disangkal secara serius oleh deponent pihak defendan (LCK) di dalam afidavit-afidavitnya. Maka, *inference* yang memihak kepada plaintif dan tidak memihak kepada defendan dapat dirumuskan di sini (panduan mengenai anggapan (*presumption*) dalam kes *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281; [1995] 1CLJ 609 adalah terpakai dalam konteks ini). Ini menunjukkan bahawa defendan memang telah menerima notis taksiran komposit (PKA2); dan

(c) mengenai isu had masa, jelas didapati bahawa pembelaan defendan adalah tidak bermerit memandangkan proviso yang terdapat dalam s 33 Akta Had Masa.

[15] Justeru, berdasarkan peruntukan ss 96A(6), 106(1) dan (3) dan 145(2) ACP bila dibaca bersama s 12(b) Akta 388 dan s 142(1) ACP dan dengan adanya sijil perakuan (eksh PKA3), maka plaintif wajar mendapat penghakiman terus dan perintah seperti dipohon diberikan kepada plaintif untuk SDK lampiran 7.

[16] Manakala untuk permohonan defendan lampiran 14, berdasarkan alasan-alasan yang sama dan dengan sokongan nas kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36; [1993] 4 CLJ 7, maka tuntutan plaintif bukan hanya tidak 'obviously unsustainable' malah jelas menunjukkan pihak defendan sendiri yang tiada pembelaan bermerit dengan adanya peruntukan undang-undang yang banyak memihak dan melindungi plaintif dalam ACP.

[17] Justeru, permohonan defendan lampiran 14 tidak wajar dibenarkan.

KEPUTUSAN

[18] Dengan alasan-alasan di atas, maka permohonan plaintif lampiran 7 dibenarkan seperti dipohon dan permohonan defendan lampiran 14 ditolak dengan kos.

Permohonan dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed